

0674

UB178 D E B  
MAHATHIR - PAPARAN (DENGAN GAMBAR)  
(I)

KUALA LUMPUR, 14 OKT (BERNAMA) -- PERDANAMENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD AKAN MENGGUNAKAN ALATPAPARAN KETIKA BERUCAP PADA MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM) DI SINI PADA RABU INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR DIPERCAYAI MERUPAKAN PEMIMPIN PERTAMA DI RANTAU INI YANG MENGGUNAKAN PERALATAN ITU UNTUK BERUCAP PADA SATU PERJUMPAAN RAMAI.

DENGAN MENGGUNAKAN SISTEM ALATPAPARAN OCP BUATAN BRITAIN ITU, PERDANA MENTERI AKAN DAPAT MEMANDANG TEPAT KEPADA PARA HADIRIN KETIKA BERUCAP.

TEKS UCAPAN ITU SEBENARNYA DIPANCARKAN PADA LAYAR LUTSINARDI HADAPAN ROSTRUM. DENGAN ITU ORANG YANG BERUCAP ITU TIDAK PERLU MEMBALIK-BALIKKAN KERTAS UCAPAN SEPERTI YANG DILAKUKAN JIKA MEMBACA DARIPADA TEKS BIASA.

MENURUT JURUCAKAP PENGELUAR ALAT ITU, PRESIDEN AMERIKA SYARIKAT, ENCIK GEORGE BUSH DAN PERDANA MENTERI BRITAIN, PUAN MARGARET THATCHER JUGA MENGGUNAKAN ALATPAPARAN ITU. -- BERNAMA.  
1240MST 14 10 89